

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (NEGARA)

TARIKH: 22 OGOS 2019

MUKA SURAT: 08

Keputusan inkues Adib 27 September depan

SHAH ALAM

Mahkamah Koroner di sini semalam menetapkan 27 September depan

sebagai tarikh keputusan inkues kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kasim yang meninggal dunia akibat cedera parah dalam insiden kekecohan di Kuil Sri Maha Mariamman, Seafield November tahun lalu.

Keputusan itu ditetapkan Koroner Rofiah Mohamad selepas mendapati mahkamah berpuas hati dengan semua keterangan saksi.

"Mahkamah sebelum ini secara rasminya telah menutup inkues dan selepas meneliti semua, tiada apa-apa lagi untuk diteruskan.

"Sehubungan itu, mahkamah



menetapkan tarikh keputusan pada Jumaat, 27 September, pukul 10 pagi," katanya.

Sepanjang 41 hari inkues, seramai 30 saksi melibatkan beberapa saksi pakar, polis, bomba dan orang awam dipanggil memberi keterangan.

Prosiding yang bermula 11 Februari lalu bagaimanapun ditutup pada 24 Julai lalu selepas tiada lagi keperluan untuk memanggil saksi-saksi lain.

Muhammad Adib, 24, yang juga anggota van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Subang Jaya meninggal dunia di Institut Jantung Negara pada 17 Disember tahun lalu selepas 21 hari bertarung nyawa.